



**MEMO**

Kepada: Jabatan Kerajaan / Agensi Pelancongan Kerajaan Berdaftar  
Dari: Jabatan Jualan & Pengurusan Saluran AirAsia Berhad  
Tarikh: 31 Mei 2024  
Tajuk: Pemberitahuan Harga Terkini Bermula 1 Jun 2024  
Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) AirAsia

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera ,**

Tan Sri / Dato' / Tuan / Puan ,

Seperti perkara tajuk, dilampirkan harga Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) AirAsia tahun 2024 yang akan bermula pada 1 Jun 2024 untuk perhatian pihak tuan/puan.

Untuk makluman pihak tuan/puan, ini adalah penyelarasan biasa setiap tahun bagi mengimbangi kos-kos berkaitan harga tiket penerbangan.

Oleh itu, mohon perhatian pihak jabatan kepada perkara di bawah:

1. Sebarang tempahan waran yang dikeluarkan pada atau sebelum 31 May 2024 adalah tertakluk kepada harga semasa seperti edaran terakhir pada 21 Februari 2024.
2. Sebarang perubahan tarikh dan masa penerbangan bermula 1 Jun 2024 adalah tertakluk kepada harga terbaru dan caj perbezaan harga akan dikenakan (jika ada) dan akan ditanggung oleh pihak penumpang atau jabatan.

Diharap dengan pemberitahuan harga baru WPUA AirAsia ini, kami dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan berterusan kepada kakitangan kerajaan.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung melalui emel ke [maa\\_gacsales@airasia.com](mailto:maa_gacsales@airasia.com).

Sekian, terima kasih.

Hafiz Hamdan  
Sales & Distribution  
AirAsia Berhad